

Peniaga sawit dikompaun RM10,000


Bacaan mesin penimbang kenderaan tidak tepat

NOOR AINON MOHAMED YUSOF

PARIT BUNTAR

Seorang pemilik premis pembelian buah kelapa sawit dikenakan kompaun RM10,000 selepas didapati bacaan mesin penimbang kenderaannya tidak tepat dalam pemeriksaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) semalam.

Ketua Cawangan Pejabat KPDNHEP Parit Buntar, Mat Jidin Hassan berkata, pemerik-



Pegawal KPDNHEP memeriksa peralatan mesin penimbang kenderaan di premis pembelian buah kelapa sawit di Parit Buntar semalam.

saan dijalankan di premis yang membeli buah kelapa sawit daripada petani sekitar Selinsing dan Bagan Serai.

Menurutnya, operasi itu turut melibatkan 11 anggota dari Lembaga Minyak Sawit Malaysia Wilayah Utara, Maj-

lis Daerah Kerian dan Metrology Corporation Malaysia Sdn Bhd Cawangan Taiping (MCM)

“Mesin penimbang kenderaan hendaklah dibuat penentusahan dengan MCM dalam tempoh tujuh hari. Kegagalan

pemilik untuk menjelaskan bayaran kompaun dan membuat penentusahan mesin penimbang kenderaan membolehkan beliau didakwa di mahkamah.

“Jika disabitkan kesalahan boleh dihukum denda sehingga RM40,000 atau dipenjaraikan sehingga 3 tahun,” katanya.

Mat Jidin berkata, perbuatan itu merupakan satu kesalahan di bawah Seksyen 20A(1)(e) Akta Timbang Dan Sukat 1972.

“Semua premis perniagaan kelapa sawit adalah diingatkan supaya menggunakan mesin penimbang kenderaan yang telah ditentusahkan dalam menjalankan aktiviti perniagaan.

“Penanam kelapa sawit yang meragui berat jualan hasil tanaman boleh membuat aduan kepada Pejabat KPDNHEP untuk tindakan selanjutnya,” katanya.